

Kastam KLIA tumpaskan 3 kes seludup bernilai RM2.5 juta

Sepang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menumpaskan tiga kes penyeludupan dadah, besi, kenderaan elektrik (EV) dan e-bike dengan jumlah keseluruhan rampasan, termasuk duti serta cukai dianggarkan RM2.5 juta.

Pengarah JKDM KLIA, Zulkifli Muhammad, berkata kejayaan itu hasil risikan dan operasi bersepadu yang dijalankan sepanjang Januari lalu.

Beliau berkata, kes pertama membabitkan rampasan dadah seberat 16 kilogram (kg) di pusat mel dan kurier di KLIA pada 5 dan 28 Januari lalu dengan nilai keseluruhan dianggarkan kira-kira RM1.4 juta.

"Modus operandi sindiket menggunakan perkhidmatan mel dan kurier dengan mengikrarkan bungkusan sebagai hadiah bagi mengaburi pihak berkuasa," katanya pada sidang media di Kompleks Kargo JKDM KLIA, di sini semalam.

Zulkifli berkata, dalam kes kedua, enam kontena mengandungi 145,281 kg besi pelbagai saiz tanpa permit import sah dirampas pada 19 Januari lalu di Pelabuhan Klang, Selangor.

Beliau berkata, nilai dagangan dianggarkan RM683,164 dengan duti dan cukai RM200,136, menjadikan jumlah keseluruhan rampasan RM883,301.

Katanya, kes ketiga membabitkan rampasan 21 unit EV, termasuk e-bike disyaki diimport tanpa permit sah yang keseluruhannya bernilai RM205,129, dalam serbuan di tiga premis berasingan di Sentul dan Petaling Jaya pada 28 Januari lalu.

"Modus operandi sindiket adalah menjual kenderaan secara dalam talian dan menggunakan perkhidmatan penghantaran pintu ke pintu bagi mengelak dikesan pihak berkuasa," katanya.

 **Modus operandi sindiket menggunakan perkhidmatan mel dan kurier dengan mengikrarkan bungkusan sebagai hadiah**

